

Soalan 2 Rumusan

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Budaya berbelanja mewah menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat pada era globalisasi ini. Budaya ini bukan sahaja berlaku kepada golongan yang berpendapatan tinggi, malahan golongan yang berpendapatan rendah juga gemar berbelanja secara berlebihan di luar kemampuan mereka. Hal ini semata-mata disebabkan oleh sikap mereka yang suka meniru gaya hidup mewah yang dianggap sebagai kemestian dan kebanggaan.

Dalam amalan berjimat cermat, kita digalakkan supaya membuat perbandingan harga terlebih dahulu sebelum berbelanja. Amalan ini penting kerana kadangkala terdapat perbezaan harga antara kedai walaupun barangan yang dijual sama dari segi jenis dan kualitinya. Kita sebagai pengguna seharusnya bijak untuk memilihnya. Dalam hal ini, kita perlu membuat perancangan yang teliti terlebih dahulu sebelum berbelanja.

Perancangan kewangan untuk masa hadapan dengan menabung juga merupakan amalan berjimat cermat. Oleh hal yang demikian, kita boleh mewujudkan simpanan tetap agar wang tersebut dapat digunakan ketika kecemasan dan tidak perlu meminjam daripada orang lain. Selain itu, simpanan dalam skim takaful juga dapat memberikan manfaat perlindungan yang tidak diperoleh melalui simpanan biasa.

Pendek kata, amalan berjimat cermat perlu disemai dalam diri setiap orang sejak kecil lagi. Kita haruslah hidup secara sederhana kerana amalan berjimat cermat dapat menjamin kewangan kita pada masa hadapan. Oleh itu, semua pihak termasuk ibu bapa, masyarakat, media, dan kerajaan mestilah berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing dengan menunjukkan teladan yang baik kepada generasi muda. Semoga amalan berjimat cermat ini melahirkan masyarakat yang bijak berbelanja.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Amalan Berjimat Cermat',
Dewan Siswa, Bil. 9, 2018)

